

## **Etika Kerja Wanita dalam Mendepani Cabaran di Era Pandemik: Adaptasi Kisah Dua Orang Gadis Madyan**

**Work Ethics of Muslim Women Facing Challenges in the Pandemic Era: Adaptation of the Story of Two Madyan Girls**

**KHAIRULNAZRIN NASIR<sup>1\*</sup>, RAHIM KAMARUL ZAMAN<sup>1</sup>, MUHAMMAD ADAM ABD. AZID<sup>2</sup> & ABDUL AZIB HUSSAIN<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, 15730 Kota Bharu Kelantan, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. 43000 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, 16310 Bachok, Kelantan

\*Corresponding Author ; email: khairulnazrin19@gmail.com

Received: 3 July 2021 /Accepted: 16 September 2021

### **ABSTRAK**

*Coronavirus disease 2019 (Covid-19) telah menular dan diisyiharkan sebagai pandemik pada awal suku pertama tahun 2020. Impak daripada jangkitan yang pantas menyebabkan pihak kerajaan Malaysia mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara ini. Setelah setahun berlalu, kondisi mutakhir meninggalkan impak negatif kepada rakyat khususnya melibatkan sektor ekonomi, sehingga ada yang kehilangan mata pencarian. Keadaan ini mendorong segerintir kaum wanita untuk membantu dalam mencari rezeki bagi meringankan beban keluarga. Selain itu, masalah gangguan seksual, depresi, beban kerja melampau, masalah penjagaan anak semakin serius dalam kalangan pekerja wanita akibat budaya kerja norma baharu. Persoalannya, apakah solusi yang mampu diketengahkan untuk membendung krisis tersebut? Maka, kajian ini berusaha untuk mengenal pasti dan menonjolkan etika-etika kerja wanita yang diadaptasi daripada kisah dua orang gadis Madyan yang dirakamkan dalam surah al-Qasas (28: 23-25). Berdasarkan analisis kisah tersebut, kajian ini mendapati bahawa etika wanita dalam kerjaya dan kegiatan ekonomi dirumuskan kepada (8M) iaitu; mas'uliah (tanggungjawab); muru'ah (menjaga kehormatan diri); ma'rifah (memiliki pengetahuan); maharrah (memiliki kemahiran); ma'manah (menjaga keselamatan); muhadathah (Komunikasi), mu'awanah (kerja berpasukan); dan mushawarah (konsultasi). Etika-etika yang digariskan ini mampu memberikan impak positif dalam memenuhi sebahagian kriteria dan amalan baik dalam dunia pekerjaan.*

*Kata kunci:* Wanita; kisah al-Quran; ekonomi; pandemik; Covid-19

### **ABSTRACT**

*Coronavirus disease 2019 (Covid-19) was contagious and a pandemic was declared in early first quarter of 2020. The effect of the rapid infection caused the Malaysian government to impose a Movement Control Order (PKP) throughout the country. After a year, the current conditions left a negative effect on the people, especially involving the economic sector, so that many lost their livelihood. This situation encourages some women to help out in earning a living to ease the burden of the family. However, the difficulty of sexual harassment, depression, excessive workload, childcare problems are becoming more serious among female workers owing to the new normative work culture. The question is, what is the solution that can be put forward to curb the crisis? Thus, this investigation seeks to identify and highlight ethics for working women, adapted from the story of two Madyan girls recorded in surah al-Qasas (28: 23-25). Based on the study of this story, this study found that the ethics of women in career and economic activities can be summarized into 8M, namely: mas'uliah (responsibility); muru'ah (maintaining self-esteem); ma'rifah (having knowledge); maharrah (having skills); ma'manah (keeping safe); muhadathah (communication), muwanah (teamwork); and mushawarah (consultation). The work ethics outlined are able to provide a positive impact in meeting some of the conditions and good practices in the career or working world.*

*Keywords:* Women; story in the Quran; economics; pandemic; Covid-19

## PENDAHULUAN

Pandemik Covid-19 telah mendarangkan impak berskala besar secara global. Masyarakat dunia menerima kesan negatif daripada penularan wabak virus Korona yang telah menjangkiti jutaan manusia. Sehingga awal April 2021, jumlah kes di Malaysia mencatatkan pertambahan sehingga 352,029 kes dan 1295 kes melibatkan kematian (Covid-19 Malaysia 2021). Di peringkat global, sebanyak 58 juta kes seluruh dunia, manakala 1.38 juta kes kematian (Berita Harian 2021). Di samping mendarangkan impak kepada nyawa dan kesihatan manusia, pandemik ini turut menjelaskan aspek-aspek lain dalam kehidupan manusia, lebih-lebih lagi kemerosotan ekonomi global.

Malaysia juga tidak terkecuali, di mana, pertumbuhan ekonomi negara mengalami kejatuhan dua digit pada suku kedua 2020 dan seterusnya mencatatkan penurunan yang lebih kecil pada suku ketiga 2020. Begitu juga kadar pengangguran di Malaysia meningkat kepada 5.1 peratus pada suku kedua dengan kadar tertinggi 5.3 peratus direkodkan pada Mei 2020 (Jabatan Perangkaan Negara 2020). Memandangkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan ini mengambil masa lebih setahun, maka kesannya terhadap ekonomi amat dirasai oleh rakyat (Nurul Adilah & Asmak 2020). Pelbagai impak negatif dirasai oleh rakyat yang bekerja sama ada dipotong gaji atau hilang mata pencarian, sekali gus meningkatkan kadar pengangguran di negara ini (Jabatan Perangkaan Negara 2020). Dalam konteks golongan yang masih menjalani aktiviti ekonomi dan pekerjaan pada masa pandemik, pelbagai isu, cabaran dan masalah yang timbul. Arahan bekerja dari rumah (BDR), kehadiran yang terhad ke tempat kerja, (Oswar 2020), isu kesihatan, keselamatan di tempat kerja, perlindungan sosial dan sebagainya (Kanyaka & Mahendra 2020; Khairul Hamimah & Nurul Husna 2019).

Bekerja semasa era pandemik memberikan cabaran kepada golongan wanita. Pelbagai isu dan masalah dilaporkan membabitkan kaum Hawa dalam menjalankan tugas dan kerjaya. Pelbagai laporan membabitkan pekerja wanita seperti kesihatan mental, depresi, isu gangguan seksual, ketidakhadiran pekerja, buli di tempat kerja, dan sebagainya kini menjadi lebih serius. Misalnya, Pertubuhan Pemerksaan Keluarga (Fame) menerima banyak aduan tentang gangguan seksual. Malah, hasil kajian menunjukkan 14.2% daripada lebih 6000 responden pekerja kesihatan mengalami

gangguan mental yang teruk (Yusmizal Dolah Aling 2021; Farhira Farudin 2021). Lebih mengejutkan, hasil tinjauan firma penyelidikan pasaran dan perundingan antarabangsa (Ipsos), mendapati bahawa wanita lebih cenderung untuk berasa resah dan tertekan berhubung situasi pekerjaan kini. Faktor-faktor seperti bekerja dari rumah tempoh yang lama, kesukaran mengimbang kehidupan harian dan kerja, serta penjagaan anak memberikan pengaruh signifikan kepada hasil tinjauan berkenaan (Isabelle Leong 2021; Muhamad Razis 2021).

Meskipun dihimpit pelbagai kekangan dan cabaran, langkah untuk mengisolasi pekerja wanita bukanlah tindakan yang tepat. Hal ini demikian kerana peranan dan sumbangan kaum wanita kepada perkembangan ekonomi merupakan suatu fakta yang tidak dinafikan (Tengku Nor Azira 2005; Norain Asnida & Wan Azlinda 2017). Masalah yang membabitkan pekerjaan sebenarnya boleh diatasi dengan memahami etika kerja, sama ada bagi pihak majikan atau pekerja. Etika kerja didefinisikan sebagai amalan dan perbuatan beretika selaras dengan prinsip, peraturan dan norma dalam sesebuah organisasi (Sabitha 2005). Di negara ini, pelbagai kod, pendekatan dan amalan kerja telah diperkenalkan bagi memastikan perjalanan sesebuah organisasi berjalan lancar. (Sutera Manis, Hainnur Aqma & Mohamed Fairooz 2020). Persoalannya, wujudkah etika kerja bagi golongan wanita yang diadaptasi secara langsung daripada al-Quran al-Karim, sekali gus mampu diketengahkan bagi menangani masalah pekerja wanita? Maka, makalah ini berusaha untuk mengadaptasi suatu kisah al-Quran iaitu kisah dua orang gadis Madyan yang terpaksa keluar menggembala dan menguruskan ternakan kerana bapa mereka yang lanjut usia dan lemah. Kisah ini amat penting untuk difahami dan dihayati kerana mempunyai hubungan rapat dengan keadaan semasa. Kajian ini mengemukakan suatu hipotesis bahawa kisah dua orang gadis Madyan mampu memberikan solusi dan penyelesaian kepada bebanan dan cabaran pekerja wanita.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara kepustakaan. Data-data dikumpulkan daripada artikel jurnal, tesis, laporan akhbar, buku dan sebagainya, dalam pelbagai bahasa. Bagi tujuan mengenal pasti dan menonjolkan etika-etika ketika bekerja bagi wanita, kajian ini menganalisis ayat 23-26, Surah al-Qasas secara tematik. Tafsiran bagi

setiap ayat disusun berdasarkan tema-tema yang sama. Kisah ini tidak diulangi dalam surah-surah al-Quran yang lain. Rujukan utama dalam interpretasi kisah gadis Madyan ialah kitab-kitab Tafsir al-Quran al-Karim, meliputi rujukan klasik dan moden. Etika-etika yang dikenal pasti dirumuskan dalam bentuk rajah. Dalam ruang perbincangan, setiap etika dihuraikan secara lebih mendalam dan disesuaikan dengan isu-isu terpilih berkaitan pekerja wanita menerusi pendekatan dan konteks semasa, khususnya budaya kerja semasa pandemik Covid-19.

### DAPATAN KAJIAN

Al-Quran merakamkan kisah Nabi Musa AS sejak dilahirkan sehingga hampir wafat. Sebahagian daripada episod kehidupan yang mencabar itu, Nabi Musa AS pernah berhijrah dari Mesir menuju Madyan untuk menyelamatkan diri daripada kekejaman Firaun. Berdasarkan ayat al-Qasas (28:

23-28), setibanya di Madyan, Nabi Musa AS terlihat dua orang gadis yang mengasingkan diri bersama ternakan mereka daripada bercampur dengan ternakan para penggembala lelaki. Lalu Nabi Musa AS bertanyakan keadaan mereka dan menghulurkan bantuan dengan memberi minum kepada ternakan. Peristiwa itu diceritakan oleh gadis kepada bapa mereka, lalu Nabi Musa AS dipelawa ke rumah mereka. Setelah berbincang, Nabi Musa AS bersetuju untuk bekerja dengan keluarga dua orang gadis itu dan dikahwinkan dengan salah seorang daripadanya.


Kisah dua orang gadis Madyan merupakan salah satu kisah yang unik dan memiliki hubungan rapat dengan kaum wanita. Kedua-dua orang gadis itu boleh dianggap sebagai model wanita berkerjaya yang memiliki kesempurnaan pada aspek kognitif (pemikiran dan intelektual), afektif (kerohanian) dan psikomotor (kemahiran luaran) (Sönmez 2017). Kriteria dan etika terpuji yang perlu ada pada diri wanita dapat dirumuskan berdasarkan petikan-petikan teks al-Quran seperti dalam jadual di bawah:

JADUAL 1. Senarai etika berpandukan teks ayat al-Quran

No.	Etika dan Konsep	Ayat dan Terjemahan
1	<i>mas'uliah</i> (tanggungjawab)	{وَأَبُونَا شِيخٌ كَبِيرٌ} Terjemahan: “dan bapa kami seorang yang tua.”
2	<i>muru'ah</i> (menjaga kehormatan diri)	{تَقْتَلِي عَلَى أَسْخَبَاءِ} Terjemahan: “dia berjalan dalam keadaan sangat malu.”
3	<i>ma'rifah</i> (memiliki pengetahuan)	إِنْ خَذْرَ مِنْ أَسْجُرَةِ الْقَوْيِ الْأَمِينِ Terjemahan: “sesungguhnya sebaik-baik pekerja yang mahu kamu upah ialah seorang yang kuat dan amanah.”
4	<i>maharah</i> (memiliki kemahiran)	{أَمْرَأَيْنِ نَذُو دَانِ} Terjemahan: “dua orang gadis yang mengasingkan.”
5	<i>ma'manah</i> (menjaga keselamatan)	{فَالَّتَّا لَا نَسْقِي حَنَّى يُصْتَدِرُ الْعَاءُ} Terjemahan: “Mereka menjawab: Kami tidak memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga para penggembala itu membawa balik binatang ternak masing-masing.”
6	<i>muhadathah</i> (komunikasi)	{فَالَّتَّ إِنْ أَبِي بَدْعُوكَ لِيَخْزِيَكَ أَخْرَ مَا سَقَيْتَ لَنَا} Terjemahan: “Sebenarnya bapaku menjemputmu untuk membalias budimu memberi minum binatang ternak kami.”
7	<i>mushawarah</i> (konsultasi)	{إِنْتَ أَسْتَحْرُهُ} Terjemahan: “wahai bapaku, jadikan dia (Musa) sebagai pekerja.”

Dalam pada itu, kajian ini turut merumuskan etika dan nilai baik yang diadaptasi daripada kisah dua gadis Madyan berdasarkan klasifikasi

kesesuaianya dalam kluster taksonomi; kognitif, afektif dan psikomotor seperti yang dipaparkan dalam rajah di bawah:



RAJAH 1. Etika wanita berdasarkan kisah Gadis Madyan

Berdasarkan isu dan masalah yang menimpa pekerja wanita semasa era pandemik, terdapat empat isu utama iaitu tertekan kerana bebanan kerja, gangguan seksual sama ada di tempat kerja atau atas talian, membantu ekonomi keluarga, masalah

mental atau depresi dan penjagaan anak dan urusan rumah tangga. Justeru, kajian ini mencadangkan beberapa langkah penyelesaian dalam bentuk etika- etika kerja. Rumusannya ditunjukkan dalam jadual 2 seperti di bawah:

JADUAL 2. Masalah pekerja wanita dan solusi

No.	Isu dan Masalah	Etika Kerja
1	Tertekan kerana bebanan kerja	Ma'rifah, nusyāwarah, mahārah, mu'āwanah
2	Gangguan seksual	Ma'manah, musyāwarah, murū'ah
3	Membantu ekonomi keluarga	Mas'ūlah, murū'ah, mahārah
4	Masalah mental, depresi	Mushāwarah, muḥādathah, mu'āwanah
5	Penjagaan anak dan urusan rumah tangga	Mu'ānah, mushāwarah

Penjelasan terperinci tentang pengaplikasian etika- etika di atas akan dijelaskan dalam bahagian perbincangan.

## PERBINCANGAN

Kerjaya paling asas bagi seseorang wanita adalah tertumpu kepada pengurusan rumah tangga (Abdullah Alwi 1996). Tetapi, ulama fiqh berpendapat bahawa bukanlah menjadi suatu kewajipan ke atas seorang wanita untuk menjalankan tugas-tugas rumah tangga. Sebaliknya, ia hanya sunat dan suatu galakan, diganjari oleh Allah SWT, suatu sedekah dan pengampunan dosa baginya (Siti Nur Husna 2017). Alasan terkuat yang membenarkan kaum wanita terlibat dalam sektor pekerjaan adalah tindakan para wanita yang melakukan pekerjaan pada zaman Nabi Muhammad SAW. Sumbangan generasi wanita pada zaman itu bukan hanya tertumpu dalam soal pengurusan

rumah tangga, malah meliputi bidang dakwah (Kamariah 2011), keilmuan, jihad dan pererangan, pertukangan tangan serta urusan kemasyarakatan.

Penulis lebih cenderung untuk bersama sarjana yang mengharuskan wanita bekerja, walaupun di luar rumahnya, tetapi masih tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat. Syarat-syarat utama yang harus dipenuhi oleh wanita yang bekerja di luar rumahnya; ialah menutup aurat (al-Ahzāb 33: 59), terpelihara daripada fitnah, mendapatkan keizinan daripada wali atau suami (al-Nisā' 4: 34 & al-Tahrīm 66: 6), jenis pekerjaannya tidak mengatasi kaum lelaki, waktunya tidak dihabiskan untuk bekerja dan pekerjaannya tidak bercanggah dengan tabiat semula jadi. Lebih-lebih lagi, wanita bekerja demi membantu *survival* ekonomi keluarganya (Siti Nur Husna, Mohd Izhar & Muhammad Adnan 2017). Para wanita telah menunjukkan peranan signifikan dalam aspek pendidikan sejak generasi awal Islam, sehingga memberi impak yang sangat positif dalam

perkembangan masyarakat sejagat (Abdullah Alwi 1996).

Semua syarat-syarat itu telah diaplikasikan oleh dua orang gadis daripada penduduk Madyan yang keluar bekerja demi menyara ahli keluarga. Kedua-duanya telah menjaga batasan pergaulan dan tidak terlibat dengan percampuran bebas. Kisah ini mengandungi pelbagai ibarat untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan. Namun, tumpuan perbincangan kajian ini ialah untuk mengekstrak keluar etika dan amalan yang wajar dijadikan teori dan praktik berhubung penglibatan wanita dalam kegiatan ekonomi, sama ada sebagai pekerja, pengusaha, peniaga dan sebagainya. Butirannya ialah seperti berikut:

#### KOGNITIF

Kognitif atau kognisi merupakan proses mental untuk mentafsir, mempelajari, dan memahami sesuatu perkara (Silfia et al. 2020). Hasil penelitian terhadap kisah gadis Madyan, terdapat dua etika berkaitan aspek kognisi yang dijelaskan di bawah:

##### Keselamatan (*Ma'manah*)

Dalam menjalankan aktiviti ekonomi, wanita perlu menitikberatkan aspek keselamatan di tempat kerja dan awam. Etika ini amat signifikan untuk diberi perhatian bagi mengelakkan wanita terdedah kepada bahaya dan keganasan. Gangguan dan Keganasan terhadap kaum wanita bukan isu remeh dan kecil yang hanya berlaku kepada sebilangan kawasan komuniti, namun ia merupakan isu global. Sesetengah kes gangguan terhadap wanita berlaku di tempat awam, tempat kerja atau dalam talian (Suhaila & A'dawiyah 2020). Masalah ini menjadi lebih kritikan dalam suasana kerja di era pandemik Covid-19 berdasarkan peningkatan jumlah aduan setiap bulan dan menjadi perbincangan hangat di parliment negara ini (Rozana 2021). Justeru, kaum wanita mesti dilindungi oleh akta keganasan, di samping penjagaan aurat dan etika berpakaian secara sempurna mampu mengelak daripada gangguan fizikal, seksual atau psikologi (Rohani 2008; Zaizul, Ab. Aziz & Fakhru Adabi 2013; Suhaila et al. 2018).

Berdasarkan penelitian terhadap kisah dua orang gadis Madyan, aspek keselamatan diri amat diambil kira. Apabila keluar ke tempat awam, mereka keluar secara berdua kerana demikian lebih menjamin keselamatan diri (Ibn Kathīr 1999). Dalam keadaan lain, salah seorang gadis itu keluar secara berseorangan untuk menjemput Nabi Musa AS ke

rumahnya. Justeru, difahami bahawa sekiranya seseorang wanita berasa selamat, maka dia boleh keluar walaupun bersendirian (Al-Sa'dī 2000). Kaum lelaki juga perlu memastikan keselamatan wanita di sekeliling mereka dan membantu dalam melaksanakan keperluan mereka (Al-Sha'rawī 1997).

##### Konsultasi (*Mushāwarah*)

Konsultasi, bertukar-tukar fikiran dan mendapatkan nasihat merupakan amalan dan etika yang baik dalam dunia pekerjaan dan perniagaan. Demikian adalah salah satu proses pembelajaran dan pembinaan hubungan dua hala; antara pekerja dan majikan atau peniaga dengan pelanggan. Dalam konteks wanita dalam membangunkan ekonomi keluarga, mereka perlu mendapatkan pandangan daripada mereka yang berpengalaman dalam bidang yang diceburi. Mereka juga berperanan menjadi perunding kepada wanita lain dan berkongsi kepakaran dan kemahiran yang dimiliki.

Antara isu yang kerap berlaku dalam kalangan wanita bekerja ialah tekanan perasaan. Hal ini berpunca daripada beberapa faktor seperti beban tugas, masalah kesihatan, penjagaan anak-anak, hubungan sosial, hubungan dengan suami, pengurusan masa dan penjagaan kendiri. Antara implikasinya ialah masalah kesihatan mental seperti tekanan, kegelisahan, kemurungan dan ketakutan (Nur Farhanis & Ming Foong Lee 2020). Mutakhir ini, beberapa laporan dan kajian menunjukkan kluster pekerja paling terjejas sudah pasti kaum wanita yang perlu memainkan peranan sebagai ibu, isteri, pekerja, suri rumah dan guru di rumah. Keadaan bekerja semasa pandemik benar-benar mencabar ini memberi kesan kepada kesihatan mereka (Muhamad Razis 2021). Oleh yang demikian, kaedah konsultasi dan bimbingan kaunseling merupakan salah satu solusi terbaik (Nurul Naimah & Mohd Yusri 2018).

Berdasarkan ayat (al-Qaṣāṣ 28: 26), salah seorang gadis itu mencadangkan kepada bapanya agar menjadikan Nabi Musa AS sebagai pekerja dan diberi upah. Berdasarkan pengamatannya, gadis itu mendapati Nabi Musa AS memiliki kekuatan fizikal dan amanah. Bapanya bersetuju, sekali gus menyatakan hasrat untuk mengahwinkan Nabi Musa AS dengan salah seorang garis itu (Al-Zuhaylī 1997). Ini menggambarkan bahawa kaum wanita mampu memberikan pandangan dan konsultasi yang baik, khususnya dalam aspek kerjaya.

## AFEKTIF

Tanggungjawab (*Masuliah*)

Tanggungjawab atau *mas'uliah* bagi mencari nafkah dan menyara keluarga pada asalnya perlu digalas oleh kaum lelaki (al-Maraghī 1946; Tantāwī 1998 & al-Sa'dī 2001). Dalam pada itu, Islam menggalakkan kaum wanita untuk berada di rumah (QS al-Ahzāb 33: ). Walaupun Islam lebih menggesa kaum wanita untuk menyalurkan khidmatnya di rumah, namun Islam tidak pernah menghalang untuk mereka bekerja di luar rumah. Keseimbangan dalam menguruskan rumah tangga merupakan tuntutan wajib bagi wanita yang berkecimpung dalam dunia pekerjaan. Kepelbagaian teknik (Naemah Mohd Ismail & Bushrah 2015).

Wanita di negara ini sebenarnya sudah memberi sumbangan yang penting kepada pembangunan bangsa dan negara baik dalam aspek ekonomi, kesihatan, sosial maupun politik (Fatimi Hanafi et al. 2016). Namun, dalam konteks ekonomi di era pandemik ini, kaum Hawa turut menyertai kaum lelaki dengan berkecimpung dalam kegiatan ekonomi secara lebih serius demi kelangsungan hidup dan menyara keluarga. Terdapat wanita yang mengorak dengan menceburи bidang perniagaan secara persendirian atau gerakan koperasi (Siti Haliza Yusop 2021). Berbekalkan pengetahuan dan semangat kental yang dimiliki, wanita mampu berdiri sendiri bagi melindungi institusi keluarga, menaik taraf kehidupan tanpa perlu menagih simpati ramai. Di era pandemik Covid-19 penglibatan wanita dalam kegiatan ekonomi berlaku lebih pesat. Ramai suami yang kehilangan kerja. Justeru, para wanita yang selama ini hanya menjadi suri rumah, turut menjalankan kegiatan ekonomi untuk menjana pendapatan keluarga (Nur Iftitah Rozlan 2021), malah terdapat wanita yang terpaksa menjadi pedagang di kaki lima (Emiliana & Maria 2020).

Berdasarkan penelitian terhadap perjalanan sirah zaman Nubuwah, golongan telah urut keluar dari rumah untuk bekerja, sama ada mencari nafkah secara langsung atau tidak langsung sebagai suri rumah. Ia adalah suatu interpretasi kepada hadith yang menyatakan:

وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى أَهْلِ بَيْتٍ زَوْجَهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْؤُلَةٌ عَنْهُمْ

Terjemahan: Dan kaum wanita adalah pengurus terhadap isi ahli keluarga suaminya dan anak-anaknya dan dia dipertanggungjawabkan terhadap mereka.

(HR al-Bukhārī no. 5200 dan Muslim no.1829)

La nisqī (28:23) حَتَّىٰ يُصْدِرَ الْأَعْمَاءُ وَأَبْوَانَ شَيْخَةً كَبِيرَةً Berdasarkan potongan ayat al-Qasas (28:23) dua gadis bersaudara itu menguruskan keperluan keluarga kerana bapa mereka telah lanjut usia dan tidak mampu menyara keluarga. Berdasarkan alasan yang dikemukakan, difahami bahawa tugas menggembala kambing itu dilaksanakan oleh bapa mereka ketika masih muda dan sihat. Mereka terpaksa keluar menggembala kambing bagi memikul tugas bapa, lebih-lebih lagi mereka tidak memiliki saudara lelaki (al-Baydāwī 1997 & al-Sa'dī 2000). Walaupun masih muda, mereka berdua menunjukkan kematangan, sikap tanggungjawab dan cakna kepada keluarga.

Integriti dan Kesantunan (*Muru'ah*)

Etika asas yang perlu ada bagi sesiapa yang terlibat dengan kegiatan ekonomi ialah sikap integriti dan menjaga maruah. Wanita yang turut berkecimpung dalam bidang pekerjaan dan perniagaan perlu berintegriti demi mempertahankan harga diri, nama baik keluarga, tidak terlibat dalam penyelewengan dan kegiatan tidak bermoral. Kehilangan integriti dan pergaulan tanpa batasan dengan kaum lelaki mendedahkan wanita kepada perhubungan tidak syar'i sehingga mampu meruntuhkan institusi kekeluargaan. Etika berintegriti dan menjaga maruah telah dipamerkan dengan jelas dalam kisah dua orang gadis Madyan. Dua orang gadis itu menunggu giliran untuk memberi minum kepada binatang ternakan untuk mengelakkan kesesakan. Tujuannya untuk mengelakkan suasana sibuk, hiruk-pikuk, berebut-rebut khususnya jika terdapat kaum lelaki (Al-Zaamakhsharī 1987; Al-Naysābūrī 1996; Al-Rāzī 1999).

Sifat malu pada kaum wanita merupakan suatu fitrah. Sifat ini menjadi lebih terpuji sekiranya mampu mendorong wanita menjaga etika di tempat kerja dan berurusan dengan orang lelaki. Berdasarkan ayat [al-Qasas 22:25] (تَمَشِّي عَلَى أَسْتِخْيَاءِ)، perasaan malu bukan hanya dengan pakaian atau pertuturan (al-Sa'dī 2000). Sebaliknya, salah satu bentuk kesopanan yang paling besar bagi seorang wanita adalah kesopanan dalam berjalan. (Ibn Kathir 1999), menyatakan bahawa gadis itu datang dalam keadaan menutup wajahnya. Justeru, dirumuskan bahawa wanita yang menggunakan media sosial sebagai medium promosi perlu menjaga adab, menutup aurat, menjaga nama maruah diri dan nama baik keluarga. Etika positif dalam diri seseorang tidak terbentuk secara kebetulan. Malah, ciri ini lahir daripada dalaman dan luaran individu. Dalam konteks kisah

ini, integriti yang dipamerkan menunjukkan dua orang gadis Madyan diberikan didikan yang baik oleh ibu bapa, sekali gus menjaga maruah dan nama baik keluarga.

Dalam pada itu, peranan komuniti turut memberi implikasi kepada pembentukan suasana yang selamat bagi kaum wanita dalam menjalankan kegiatan ekonomi. Berdasarkan kisah dua orang gadis Madyan, masyarakat yang mengangkat kedudukan kaum wanita dan tidak membiarkan mereka bergaul bebas dengan kaum lelaki. Haiwan ternakan diasingkan daripada haiwan ternakan orang lain. Ciri komuniti yang berintegriti adalah dengan memberi ruang yang kondusif kepada kaum wanita tanpa mengabaikan aspek kesopanan dan ketatasusilaan. Justeru, pengamalan etika integriti mampu membendung sikap tidak bermoral seperti gangguan seksual sama ada di tempat kerja atau dalam talian (Mohamad Izzuan et al. 2021).

#### PSIKOMOTOR

Pengetahuan, kemahiran kerja berpasukan dan kebolehupayaan dalam komunikasi adalah antara kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh seseorang yang berkerjaya dan keusahawanan (Mohd Hasril, Siti Norain & Noorazman 2017). Etika-etika berkaitan kemahiran fizikal secara khususnya telah ditunjukkan dalam kisah gadis Madyan dalam aspek-aspek berikut:

#### Kemahiran (*Mahārat*)

Berdasarkan petikan ayat al-Qasas (28:23) iaitu (أَمْرَأَتَيْنِ شَوْدَانِ), dinyatakan bahawa dua orang gadis Madyan itu mengawal dengan menghalang haiwan ternakan mereka daripada bercampur dengan ternakan para penggembala yang lain (Al-Tabarī 2000). Proses ini tidak mampu dilaksanakan melainkan dengan kemahiran yang dimiliki oleh mereka berdua. Meskipun kerja menternak dan menguruskan ternakan pada kebiasaannya digalas oleh kaum lelaki, tetapi dua orang gadis Madyan ini membuktikan bahawa kaum wanita turut mampu berbuat demikian. Kuncinya terletak pada kebolehupayaan dan kemahiran.

Perkara ini membuktikan bahawa wanita yang berkecimpung dalam industri dan pekerjaan perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran. Kaum wanita perlu meningkatkan ilmu dan kemahiran, khususnya wanita muda yang memiliki potensi diri, semangat serta skil seiring teknologi komunikasi terkini. Demikian mampu memberikan impak positif kepada

produktiviti, prestasi pekerjaan dan meluaskan skop pemasaran. Dalam konteks norma baharu, penguasaan bidang ICT dan digital amat penting bagi kaum wanita khususnya yang berkecimpung dalam dunia keusahawanan dan pemasaran (Siti Masayu Rosliah 2016; Faradillah, Samsudin & Ali 2015). Kajian Miguna & Nurhafifah (2021) membuktikan pendekatan tersebut amat berkesan di era pandemik Covid-19 yang menitik beratkan penjarakan fizikal dan memaksimumkan urusan dalam talian.

#### Kerja Berpasukan (*Mu'awanah*)

Wanita, keluarga dan kerjaya adalah tiga entiti yang tidak dapat dipisahkan dalam pembangunan kehidupan masyarakat pada hari ini, ditambah pula dengan jumlah penglibatan wanita dalam arena pekerjaan yang semakin meningkat. Dapatkan kajian menunjukkan kegagalan mengurus keluarga dan kerjaya telah mengakibatkan peningkatan isu stres di tempat kerja. Apatah lagi dengan tuntutan untuk meningkatkan prestasi kerja, menjadikan tanggungjawab mengurus antara keluarga dan kerjaya suatu cabaran semasa (Sharifah Hayaati 2017).

Dalam kisah tersebut, dua orang gadis bersaudara saling tolong-menolong untuk mengambil sumber air dan memberi minum kepada haiwan ternakan mereka. Di samping bertujuan untuk menjaga keselamatan, kerja menguruskan haiwan ternakan mampu dilakukan dengan baik. Dalam pada itu, masyarakat sekeliling, khususnya kaum lelaki perlu peka dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka. Menawarkan khidmat dan menghulurkan sumbangan dan khidmat. Dalam konteks kisah tersebut, para penggembala lelaki dilihat bersikap mementingkan diri dan mengabaikan kaum wanita sehingga terpaksa menunggu giliran terakhir untuk memberi minum kepada haiwan ternakan (Al-Sa'dī 2000).

Dalam keadaan tertentu, sesuatu kerja mampu dilakukan secara berseorangan. Dalam konteks kisah dua orang gadis Madyan, setelah mereka menceritakan kisah kepada bapa mereka, maka salah seorang datang berjumpa dan mempelawa Musa AS seperti dalam ayat (al-Qasas 28:25) (فَجَاءُهُنَّا إِخْتَهُمَا). Tugas membawa berita, menyampaikan maklumat tidak memerlukan kuantiti sumber manusia yang ramai. Justeru, wanita tidak perlu mendedahkan diri mereka kepada pandangan umum sekiranya tiada keperluan untuk mereka berbuat demikian.

Wanita hari ini memerlukan inspirasi yang tepat berdasarkan syariat Islam dalam mencapai

kejayaan dalam kerjaya. Suami, anak, majikan dan rakan sekerja merupakan individu berperanan dalam memacu kejayaan wanita (Naemah, Mohd Ismail & Bushrah 2014). Dalam konteks yang lebih luas, kaum wanita perlukan sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak. Ini kerana antara faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi kejayaan usahawan wanita adalah faktor kemudahan prasarana, diikuti faktor pendidikan dan latihan, bantuan kewangan, sokongan moral dan sebagainya (Nor Azira, Sity & Muhamad Takiyuddin 2017; Nur Hafizah & Rahimah 2012). Seperti dijelaskan sebelum ini, sejak mutakhir ini ramai pekerja yang mengalami kesihatan mental. Maka, dalam konteks kerja semasa musim pandemik, bebanan dan tekanan komitmen kerja para wanita dapat dikurangkan dengan sikap kerjasama, memahami dan toleransi daripada pasangannya (Abdu 2021).

#### Komunikasi (*Muhadathah*)

Dialog antara Nabi Musa AS dan dua gadis berkenaan berlaku dalam keadaan yang palung ringkas dan sekadar keperluan. Hal ini berdasarkan petikan ayat (al-Qasas 23) yang mengandungi pertanyaan Musa AS iaitu (فَلَمْ مَا حَطَّبُكُمَا). Gadis-gadis itu menjawab (لَا سَقَى حَتَّى يُصْدِرَ الْرَّعَاءُ وَأُبُونَا شَيْخٌ كَبِيرٌ) bahawa mereka kebiasaannya tidak memberi minum kepada kambing melainkan setelah ketiadaan penggembala lain, di samping memberikan alasan atas tindakan tersebut. Perbualan ini berlaku ringkas, padat, dan berlaku dalam tempoh masa yang singkat, tanpa melemah-lembutkan suara dalam berbicara (al-Ahzab 33:32).

Contoh ini menonjolkan akhlak dan etika dalam perbualan dengan kaum lelaki, khususnya dalam urusan kerja dan perniagaan. Seorang lelaki ingin berbicara dengan wanita bukan mahram, dia harus berbicara sebanyak yang diperlukan. Di sini Musa berkata, "Saya akan berbicara dengan anda," tanpa perkenalan atau ekspresi lembut. Ketika mempelawa Musa AS juga, gadis berkenaan terus menyatakan tujuan kedadangannya tanpa perbualan yang tidak penting (Ibn Kathir 1999). Oleh itu, wanita perlu mengaplikasikan adab dan batasan dalam perbualan dengan kaum lelaki sama ada secara bersemuka atau menerusi peranti dalam media sosial dan sebagainya. Suhaila & A>dawiyah (2019) dalam kajiannya bersetuju bahawa pendekatan tidak berkomunikasi dengan lelaki tanpa tujuan adalah signifikan untuk mengelakkan ancaman bagi wanita di tempat awam.

Dalam pada itu, Umm Ḥakim binti al-Ḥārith memeluk Islam pada hari Pembukaan Kota Makkah,

namun suaminya, 'Ikrimah bin Abī Jahl telah lari ke Yaman dan enggan memeluk Islam. Umm Ḥakim meminta izin daripada Nabi Muhammad SAW untuk mencari dan memujuk suaminya serta memberi pengamanan. Lalu, suaminya kembali ke Makkah dan memeluk Islam (Al-Dhahabī 2003). Justeru, golongan wanita turut memiliki peluang yang saksama dalam memberikan pandangan dan berunding. Maka, dengan kredibiliti ketajaman pemikiran kaum wanita turut mampu berkerjaya sebagai pakar perundingan, khidmat nasihat, juru motivasi, dan seumpamanya. Etika *muhādathah* dan berinteraksi dengan individu yang dipercayai mampu mengurangkan stres dalam kalangan kaum wanita (Nor Hatina Shuib 2019). Langkah yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang mewujudkan Talian Khas Kaunseling COVID-19 (Talian Kasih) bagi memberi sokongan psikologi kepada orang ramai, khususnya golongan wanita merupakan inisiatif yang patut diberikan pujian (Sukriah Ismail et al. 2021).

Daripada perbincangan pada bahagian ini, dirumuskan bahawa golongan wanita pada zaman Nubuwah telah melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan dan kenegaraan, malah sebahagian mereka telah memberikan sumbangan besar dalam kerjaya yang diceburi. Namun demikian, setinggi mana pangkat dan kedudukan mereka di mata masyarakat sekalipun, wanita tidak dapat lari daripada tugas asal mereka sebagai wanita Islam, terutama bagi wanita yang telah berumah tangga dan beranak pinak. Mereka adalah hamba Allah, isteri, ibu dan pekerja. (Fatimah 1996).

#### KESIMPULAN

Makalah ini telah menjelaskan tentang etika bagi wanita yang melibatkan diri dalam sektor ekonomi, khususnya di era pandemik Covid-19. Etika-etika berkenaan diadaptasi daripada kisah dua orang gadis Madyan yang dicatatkan dalam Surah al-Qasas (28: 23-26). Kajian ini telah mengenal pasti lapan etika (8M) utama; *mas'uliah* (tanggungjawab); *muruwah* (menjaga kehormatan diri); *ma'rifah* (memiliki pengetahuan); *maharah* (memiliki kemahiran); *ma'manah* (menjaga keselamatan); *muhadathah* (Komunikasi); *mu'awanah* (kerjasama); dan *mushawarah* (konsultasi). Pematuhan etika-etika ini mampu membentuk wanita yang sukses dalam kerjaya, berintegriti, lebih-lebih lagi menjaga kehormatan diri dan batasan syarak. Wanita kini

menghadapi pelbagai cabaran intelektual dan fizikal yang memerlukan kerjasama daripada masyarakat dan sokongan pelbagai institusi demi membawa perubahan positif ke dalam masyarakat itu sendiri. Akhir sekali, makalah ini mencadangkan supaya dilakukan kajian mendalam tentang etika dan amalan kepimpinan wanita daripada Kisah Balqis yang terkandung dalam Surah al-Nml.

#### PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada *output* geran penyelidikan yang bertajuk “Analisis Hadith-hadith Pemerksaan Wanita Menurut Perspektif Fiqh Al-Hadith Dan Konteks Semasa (KIAS/40106/KRG20/004) yang dibiayai oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kota Bharu Kelantan.

#### SUMBANGAN PENGARANG

Pengumpulan data kepustakaan, Khairulnazrin Nasir dan Rahim Kamarul Zaman; metodologi, Abdul Azib bin Hussain; visualisasi, Muhammad Adam Abd. Azid; penulisan, penyediaan draf asal, Khairulnazrin Nasir; menyemak dan menyunting, Rahim Kamarul Zaman; analisis formal jurnal, Abdul Azib bin Hussain; pengurusan pembiayaan geran, Muhammad Adam Abd. Azid. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

#### RUJUKAN

- Abdu Alifah. 2021. Efek mediasi work-family conflict terhadap stres kerja pada ibu bekerja di rumah selama pandemi Covid-19. *Jurnal Ekobis: Ekonomi Bisnis & Manajemen* 11(1): 1-16.
- Abdullah Alwi Haji Hassan. 1996. Islam dan wanita. *Jurnal Usuluddin* 4: 105-116.
- ‘Abdullah bin ‘Umar Al-Baydawī. 1997. *Anwār al-Ta’wīl wa Asrār al-Tanzīl*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi.
- Ahmad Muṣṭafā Al-Maraghī. 1946. *Tafsīr al-Maraghī*. Kaherah: Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- ‘Abd al-Rahmān Nāṣir Al-Sa’dī. 2000. *Tafsīr al-Karīm al-Rahmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*. Beirut: Muassasat al-Risalah.
- \_\_\_\_\_. 2001. *Tafsīr al-Laṭīf al-Mannān fī Khulāṣat Tafsīr al-Qurān*. Arab Saudi: Wizārah Shu’ūn Islamiyah.
- Anon. 2021. 58 juta kes seluruh dunia, 1.38 juta kematian. *Berita Harian*. 22 November. <https://www.bharian.com.my/dunia/amerika/2020/11/756824/covid-19-58-juta-kes-seluruh-dunia-138-juta-kematian> (akses pada 6 April 2021).
- Covid-19 Malaysia. 2021. Terkini harian info mutahir. <http://covid-19.moh.gov.my/terkini> (akses pada 5 April 2021).
- Emiliana Martuti Lawalu & Maria Klarista Goba. 2020. Partisipasi perempuan pedagang kakilima dalam meningkatkan ekonomi rumah tangga sebelum dan setelah adanya Covid-19. *Ekopem: Jurnal Ekonomi Pembangunan* 5(3): 21-30.
- Faradillah Iqmar Omar, Samsudin A. Rahim & Ali Salman. 2015. Penyertaan digital dan Ciri keusahawanan dalam pemerksaan usahawan wanita di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 31(1): 241-256.
- Farhira Farudin. 2021. Aktivis ingatkan ‘pandemik’ keganasan berdasarkan gender makin meningkat. *Malaysia Now*, 19 April. <https://www.malaysianow.com/berita/2021/04/19/aktivis-ingatkan-pandemik-keganasan-berdasarkan-gender-makin-meningkat/> (akses pada 25 April 2021).
- Fatimah Ali. 1996. Pandangan Islam terhadap wanita bekerja. *Jurnal Usuluddin* 3: 157-190.
- Fatimi Hanafi, Zulkarnain Abdul Rahman, Arbaiyyah Mohd Noor & Mohd Roslan Mohd Nor. 2016. Hak asasi manusia dan penglibatan wanita dalam politik di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun* 11(1): 17-33.
- Al-Hasan Muḥammad Al-Naysābūrī. 1996. *Għarāib al-Qurān wa Raghāib al-Furqān*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Isabelle Leong. 2021. Wanita lebih terkesan akibat COVID-19: Ini fokus kajian impak pandemik Ipsos. *Astro Awani*, 21 Januari. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-lebih-terkesan-akibat-covid19-ini-fokus-kajian-impak-pandemik-ipsos-279067> (akses pada 6 April 2021).
- Ismā’il Ibn Kathīr. 1999. *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*. Riyad: Dār Taybah.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. Statistik Pemerksaan Wanita dalam Domain Terpilih, Malaysia, 2020. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=444&bul\\_id=QlliTUxPQnhrR2tVa2kyOFpkWmhaZz09&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=444&bul_id=QlliTUxPQnhrR2tVa2kyOFpkWmhaZz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09) (akses pada 5 April 2021).
- \_\_\_\_\_. 2020. Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia, Januari 2021. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul\\_id=QjdwRnBlSkxBcXczLzhzbHNKVTJRQT09&menu\\_id=Tm8zcenRjdVRNWWlpWjRlbmtlaDk1UT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul_id=QjdwRnBlSkxBcXczLzhzbHNKVTJRQT09&menu_id=Tm8zcenRjdVRNWWlpWjRlbmtlaDk1UT09) (akses pada 5 April 2021).

- . 2020. Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia, Disember 2020. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul\\_id=RDlITkpHejRFNGlRdlRLWWJzMi91QT09&menu\\_id=Tm8zcRjdVRNWlPwJlrbmtlaDk1UT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul_id=RDlITkpHejRFNGlRdlRLWWJzMi91QT09&menu_id=Tm8zcRjdVRNWlPwJlrbmtlaDk1UT09) (akses pada 5 April 2021).
- . 2020. Prestasi Ekonomi Malaysia Suku Tahun Keempat 2020. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=100&bul\\_id=Y1MyV2tPOGNsVUtnRy9SZGdRQS84QT09&menu\\_id=TE5CRUZCblh4TZMODZIbmk2aWRRQT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=100&bul_id=Y1MyV2tPOGNsVUtnRy9SZGdRQS84QT09&menu_id=TE5CRUZCblh4TZMODZIbmk2aWRRQT09) (akses pada 5 April 2021).
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi & Nurul Husna Mansor. 2019. Kesediaan remaja hamil luar nikah terhadap program kerohanian di pusat perlindungan wanita. *Islāmiyyāt* 41(1): 59-68.
- Kamariah Kamarudin. 2011. Nilai tarbiah dan islah wanita Melayu Islam pascamerdeka: Satu analisis terhadap novel Tunggu Teduh Dulu dan Surat-Surat Perempuan Johor. *Jurnal Pengajian Melayu* 22(1): 164-184.
- Kanyakka Prajnaparamitha & Mahendra Ridwanul Ghoni. 2020. Perlindungan status kerja dan Pengupahan tenaga kerja dalam situasi pandemi COVID-19 Bberdasarkan perspektif pembaharuan hukum. *Administrative Law and Governance Journal* 3(2): 314-328.
- Miguna Astuti & Nurhafifah Matondang. 2021. Peningkatan Profit Kelompok Wanita Pagoda Ditengah Pandemi Covid-19 Melalui pemasaran sosial media berbasis mobile. *Jurnal Pendidikan dan Pengabdian Masyarakat* 4(1): 48-57.
- Mohamad Izzuan Mohd Ishar, Fatin Afiqah Md Azmi, Muhammad Hafizuddin Mokhtar, Abdul Rahim Risal, Mazilah Abdullah, Khirul Ikwan Ibrahim, Mohd Faidzal Fadzullah Elias, Zulhilmi Mohd Abd Hamid, Mohd Fuad Jaafar & Nur Fatihah Mustari. 2021. Amalan tidak berintegriti: Remeh tapi salah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(8): 215-223.
- Mohd Hasril Amiruddin, Siti Norain Jafaar & Noorazman Abd Samad. 2017. Tahap pengetahuan, kemahiran dan kebolehupayaan pelatih pendawaian elektrik dalam pembentukan usahawan teknikal di Giatmara Negeri Johor. *Sains Humanika* 9(1-5): 109-117.
- Muhammaad Razis Ismail. 2021. Wanita lebih terbeban. *Harian Metro*, 5 Julai. <https://www.hmetro.com.my/WM/2021/07/726575/wanita-lebih-terbeban> (akses pada 10 Julai 2021).
- Muhammad ‘Isā Al-Tirmidhī. 1998. (sunt.). *Sunan ‘al-Tirmidhī*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Muhammad Ismā‘il Al-Bukhārī. (sunt.). 2001. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. t.tp: Dar Tawq al-Najah.
- Muhammad Jarīr Al-Ṭabarī. 2000. *Jāmi’ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qurā*. Beirut: Muassasat al-Raisālah.
- Muhammad Mutawalli Al-Sha’rāwī. 1997. *Tafsīr al-Sha’rāwī*. Kaherah: Akhbār al-Yawm.
- Mahmūd ‘Amr Al-Zamakhsharī. 1987. *Al-Kashshāf ‘an ḥaqāiq Ghawāmid al-Tanzīl*. Beirut: Dār al-Kitāb al-Arabi.
- Muhammad Sayyid Tantāwī. 1998. *Al-Tafsīr al-Wasīt li al-Qurān al-Karīm*. Kaherah: Dar al-Nahḍah.
- Muhammad Umar Al-Rāzī. 1999. *Al-Tafsīr al-Kabīr*. Beirut: Dar Ihyā’ al-Turath al-Arabi.
- Muslim al-Hajjāj. (sunt.). t.t. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dar Ihyā’ al-Turayh al-‘Arabi.
- Naemah Hamzah, Mohd Ismail Mustari & Bushrah Basiron. 2014. Faktor sokongan individu terhadap kecemerlangan wanita bekerja dan berumah tangga. *Sains Humanika* 67(1): 5-16.
- Naemah Hamzah, Mohd Ismail Mustari & Bushrah Basiron. 2015. Model Keseimbangan kerjaya dan rumah tangga dalam kalangan wanita cemerlang sektor awam. *Sains Humanika* 4(1): 37-46.
- Nor Azira Ayob, Sity Daud & Muhamad Takiyuddin Ismail. 2017. Faktor pembentukan modal insan dan daya saing usahawan wanita Malaysia: Kajian empirikal wanita bumiputera di Melaka. *Geografi-Malaysian Journal of Society and Space* 12(5): 115-129.
- Nor Hatina Shuib. 2019. Manjakan diri bantu kurangkan murung. *Berita Harian*, 20 Januari. <https://www.bharian.com.my/wanita/lainlain/2019/01/521895/manjakan-diri-bantu-kurangkan-murung> (akses pada 6 April 2022).
- Norain Asnida Ain & Wan Azlinda Wan Mohamed. 2017. Kemahiran abad ke-21 wanita dalam mengharungi cabaran globalisasi. *Online Journal for TVET Practitioners* 2(1): 1-9.
- Nur Farhanis Zaidi & Lee, M. F. 2020. Ulasan elemen kesihatan mental pekerja wanita sektor perusahaan kecil & sederhana Malaysia melalui kaedah analisis matrik. *Online Journal for TVET Practitioners* 5(1): 43-50.
- Nur Hafizah Yusoff & Rahimah Aziz. 2012. Pemerkasaan wanita desa: Kajian ke atas Kumpulan Ekonomi Wanita (KEW), Kuala Teriang, Langkawi, Kedah. *Geografi-Malaysia Journal of Society and Space* 8(6): 15-23.
- Nur Iftitah Rozlan. 2021. Dari suri rumah kini bergelar usahawan. *Sinar Harian*, 6 September. <https://www.sinarharian.com.my/article/159768/EDISI/Dari-suri-rumah-kini-bergelar-usahawan> (akses pada 10 Oktober 2021).
- Nurul Adilah Hasbullah & Asmak Ab Rahman. 2020. Peranan pemegang taruh dalam menjaga kebajikan ekonomi rakyat semasa pandemik COVID-19 dari perspektif ekonomi Islam. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 17(Special Issues): 71-89.
- Nurul Naimah Rose & Mohd Yusri Mustafa. 2018. Tekanan dalam kalangan wanita bekerja: Khidmat bantu kaunseling menggunakan konsep Teori Tekanan Lazarus dan Praktis Terapi Berfokus. *Asian Social Work Journal* 3(1): 28-34.

- Oswar Mungkasa. 2020. Bekerja dari rumah (Working from home/WFH): Menuju tatanan baru era pandemi COVID-19. *Jurnal Perencanaan Pembangunan: The Indonesian Journal of Development Planning* 4(2): 126-150.
- Rohani Abdul Rahim. 2008. Fenomena gangguan seksual terhadap pekerja wanita dalam organisasi: Suatu implikasi dalam perundangan Malaysia. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 12: 144-174.
- Rozana Abdullah. 2021. Gangguan seksual: Peranan parlimen dalam penggubalan undang-undang dan polisi yang relevan (Sexual harassment: The roles of parliament in the enactment of law and relevant policy). *Journal of the Malaysian Parliament* 1: 193-227.
- Sabitha Marican. 2005. *Membentuk Suasana Kerja Positif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail. 2017. Mengurus antara keluarga dan kerjaya organisasi: Analisis melalui pendekatan al-Tadayyun, al-Maqasid dan al-Wasatiyyah (Managing between family and organisational career: Analysis through al-Tadayyun, al-Maqasid and al-Wasatiyyah approaches). *Akademika* 87(3): 195-206.
- Silfia Ilma, Mimien Henie Irawati Al-Muhdhar, Fatchur Rohman & Murni Saptasari. 2020. The correlation between science process skills and biology cognitive learning outcome of Senior High School Students. *JPBI (Jurnal Pendidikan Biologi Indonesia)* 6(1): 55-64.
- Siti Haliza Yusop. 2021. Koperasi wanita bantu kurangkan impak pandemik COVID-19. *Berita Harian*, 24 Februari. <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2021/01/778416/koperasi-wanita-bantu-kurangkan-impak-pandemik-covid-19> (akses pada 11 April 2021).
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid. 2016. Keupayaan ICT dalam meningkatkan pencapaian usahawan wanita: Satu kajian kes usahawan luar bandar di Malaysia. *e-Bangi* 11(2): 78-103.
- Siti Nur Husna Abd Rahman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Muhammad Adnan Pitchan. 2017. Peranan wanita dalam institusi kekeluargaan: Perbincangan dari perspektif Islam. *e-Bangi* 12(3): 1-16.
- Sönmez, V. 2017. Association of cognitive, affective, psychomotor and intuitive domains in education, Sönmez model. *Universal Journal of Educational Research* 5(3): 347-356.
- Suhaila Shahril & A'dawiyah Ismail. 2019. Langkah-langkah keselamatan dalam menangani keganasan terhadap wanita di tempat awam. *e-Bangi* 16(2): 1-12.
- \_\_\_\_\_. 2020. Punca-punca keganasan terhadap wanita di tempat awam: Kajian di Kuala Lumpur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 235-252.
- Suhaila Sharil, Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah, Muhammad Yosef Niteh, Maad Ahmad & Mukhammad Khafiz Abdul Basir. 2018. Pengetahuan pekerja wanita mengenai keganasan terhadap wanita di tempat awam. *Journal of Muwafaqat* 1(2): 22-36.
- Sukriah Ismail, Nur Sarah Tajul Urus, Farida Isa Binawae & Ahmad Hussein Abdul Shakoor Siraji. 2021. Perlindungan hak isteri terhadap unsur narsisme dan gaslighting dalam konflik keganasan rumah tangga impak pandemik COVID-19. *Journal of Fatwa Management and Research* 24(2): 88-117.
- Surera Manis Zamzam, Hainnur Aqma Rahim & Mohamed Fairooz Abdul Khir. 2020. Hubungan budaya organisasi dan nilai Islam terhadap amalan etika kerja Islam (EKI) di kalangan penjawat awam di Malaysia. *Jurnal Dunia Pengurusan* 2(3): 1-15.
- Tengku Noor Azira Tengku Zainudin. 2005. Hak wanita dalam pekerjaan: Suatu analisis kanun. *Jurnal Undang-Undang Malaysia* 17(1): 1-17.
- Wahbah Muṣṭafā Al-Zuhaylī. 1997. *Al-Tafsīr al-Munīr: Damsyik*: Dar al-Fikr.
- Yusmizal Dolah Aling. 2021. Gangguan seksual fizikal, dalam talian semakin serius. *Harian Metro*, 8 Februari. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/672492/gangguan-seksual-fizikal-dalam-talian-semakin-serius> (akses pada 15 April 2021).
- Zaizul Ab. Rahman, Ab. Aziz Mohd. Zain & Fakhru Adabi Abdul Kadir. 2013. Victim empathy deficits among sex offenders in Kajang Prison. *Islāmiyyāt* 35(1): 75-92.